

## **"Saya disiksa pegawai perisik tentera"**

**Malaysiakini.com**

**July 12, 2010**

N Tharmendran, seorang bekas sarjan RMAF yang telah didakwa berhubung kehilangan dua enjin jet pejuang, mendakwa dia ditahan dan disiksa oleh pegawai perisikan tentera selama tiga minggu berhubung siasatan kes tersebut.

Walaupun setahun telah berlalu, tetapi semuanya masih jelas di mata Tharmendran, 42, siasatan dalaman tentera yang telah dilaluinya, seolah-olahnya ianya baru berlaku semalam.

Tharmendran mendakwa cara yang digemari penyiasatnya - yang didakwa diketuai pegawai berpangkat mejar dan pembantunya, juga seorang mejar - adalah memakaikannya dengan topi keledar dan berkali-kali memukulnya sekuat mungkin.

"Mereka menggunakan kayu golf dan sesuatu yang panjang seperti kayu kriket. Alasannya ialah apabila memukul topi keledar yang saya pakai, tidak ada kesan. Anda tidak dapat menemui kesan apa-apapun, tapi ia adalah sakit dalaman, "katanya kepada Malaysiakini.

"Itu yang mejar (nama dirahsiakan) kata kepada saya. (Dia kata) 'Saya boleh memukul anda sekuat mana yang sama mahu, tapi tidak akan ada kesan apapun. Bahkan (jika) anda pergi menemui doktor pun, dia akan kata anda hanya sakit kepala."

Dan akibat penderaan fizikal itu, Tharmendran berkata dia menderita sakit teruk di leher serta bahu dan sukar menggerakkan lengan kirinya selama beberapa hari selepas soal siasat itu berakhir.

Dia juga mendakwa berulang kali dibogelkan hanya tinggal seluar dalamnya, disuruh berdiri di atas ketulan ais sehingga sejam, dan diancam dengan kematian.

"Saya diberitahu oleh mejar ini, yang dia mempunyai kawan dalam UTK (unit tindakan khas) dan KDN (Kementerian Dalam Negeri) dan tidak sukar baginya untuk mendapatkan beberapa orang untuk menembak dan membunuh saya.

"Seperkara lagi, dia kata, tak seorang pun akan percaya pada saya (jika saya melaporkan penyiksaan tersebut), kerana dia adalah IO (pegawai penyiasat) dan ia mempunyai kuasa. Bahkan, katanya, jika saya pergi ke hospital dan mengatakan yang saya telah disiksa oleh orang-orang ini, dia kata tak seorang pun akan percaya pada saya."

Tharmendran berkata, dia tidak dibenarkan menghubungi sesiapa pun untuk memberitahu mereka di mana dia berada selama tiga minggu tahanan.

Bapa N Nagarajah telah membuat laporan polis bulan lalu untuk melaporkan mengenai apa yang didakwa telah dialami oleh Tharmendran selama tiga minggu dalam tahanan tentera.

'Hilang maruah'

Tharmendran berkata, berat badannya merosot 20 kg selepas disiksa dan selama enam bulan dia ditahan reman di Penjara Sungai Buloh kerana tidak mampu membayar ikatjamin RM150,000 berhubung tuduhan terhadapnya itu.

Dia percaya dia bukan satu-satunya yang diseksa oleh pegawai perisikan, dan mendakwa sekurang-kurangnya 30 orang lagi turut melalui pengalaman yang sama atas sebab-sebab yang tidak diketahuinya. Dia tidak tahu apa yang berlaku terhadap mereka.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malysiakini.com/news/137084>